

DIARI 50 : MENINGKATKAN PENGUASAAN PEMBELAJARAN SEJARAH

(Dibentangkan dalam Persidangan Kajian Tindakan JPWP 2007)

OLEH
MASARIAH BINTI MISPARI
MAKTAB TENTERA DIRAJA
57000 KUALA LUMPUR
masariahmispari@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar Tingkatan 5Zeta yang tidak menguasai pembelajaran sejarah Tingkatan 4. Seramai 26 orang murid 5Zeta Maktab Tentera Diraja terlibat dalam kajian ini. Tinjauan awal dilaksanakan melalui post mortem yang dibuat terhadap peperiksaan akhir tahun tingkatan 4. Analisis peperiksaan tersebut menunjukkan 0% pencapaian A, 10% pencapaian B, 60% pencapaian C dan 50% pencapaian gagal. Hasil tinjauan menunjukkan murid-murid tidak serius belajar untuk menghadapi peperiksaan, tidak membuat latihan dan tidak dapat mengingat fakta sejarah dalam hayat yang lama. Perancangan tindakan difokuskan kepada galakkan pembelajaran sendiri dan meningkatkan hayat ingatan murid terhadap fakta sejarah melalui Diari 50 selama 50 minit sehari dan kajian diselesaikan dalam tempoh 50 hari. Keputusan ujian pos menunjukkan terdapat peningkatan prestasi murid. Laporan soal selidik menunjukkan Diari Sejarah mendorong perubahan sikap murid untuk belajar secara sendiri dan mampu mengingati fakta sejarah dengan lebih lama.

DIARI 50 : MENINGKATKAN PENGUASAAN PEMBELAJARAN SEJARAH

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam mesyuarat panitia terakhir tahun 2006. Saya telah menetapkan guru-guru yang terlibat untuk mengajar tingkatan 5 tahun 2007. Oleh itu, guru-guru diberi peluang untuk memilih kelas yang mereka ingin ajar seperti biasa saya akan menerima sahaja kelas-kelas yang tidak dipilih. Pada awal Januari 2007, saya memulakan P&P di kelas 5Z. Dari hari pertama saya memulakan kelas di Tingkatan 5Z, murid-murid sentiasa meminta saya untuk mengajar semula sukatan Tingkatan 4 dengan alasan mereka tidak faham. Hati saya rasa diusik, saya membuka fail post mortem dan membuat semakan markah Peperiksaan Akhir tahun mereka. Dalam analisis merumuskan antara punca pencapaian prestasi rendah murid ialah tidak serius menghadapi peperiksaan, tidak menyiapkan latihan, tidak mengulangkaji dan tidak dapat mengingati fakta sejarah dalam hayat yang lama.

Hati saya berbisik, ini penyakit biasa bagi matapelajaran sejarah tanpa membaca tentu tidak akan dapat mengingati fakta. Kerap membaca tentu lebih lama hayat mereka ingat. Teringat dengan formula untuk berjaya oleh YB Dato' Sri Najib Tun Razak :

$$\text{potensi} + \text{usaha} + \text{visi} = \text{kejayaan}$$

Saya yakin, selagi mereka tidak buta huruf, tiada alasan untuk mereka mencapai A dalam SPM. Situasi inilah yang mendorong saya membuat kajian tindakan ini disamping menyuntik ke sanubari mereka semangat 50 tahun kemerdekaan negara.

2.0 ISU KEPERIHATINAN / FOKUS KAJIAN

Walaupun saya menyedari wujud kolerasi yang kuat antara pengajaran guru dengan pencapaian belajar, saya hanya akan menfokuskan kajian saya terhadap masalah murid yang gagal menguasai sukatan sejarah Tingkatan 4. Antara kelemahan mereka ialah tidak dapat mengingat nama tajuk atau bab tingkatan 4, gagal memberi respon kepada peristiwa sejarah penting yang ditanyakan dan gagal menghubungkan antara satu peristiwa dengan peristiwa sejarah lain. Mereka juga tiada kaedah belajar sejarah yang boleh dimodelkan. Masalah murid gagal menguasai kurikulum tingkatan 4 tersebut berpunca daripada :-

- tidak melengkapkan nota serta latihan
- tidak serius dalam menghadapi peperiksaan
- gagal mengingat fakta sejarah dalam hayat yang lama

Dengan membantu murid belajar sejarah secara terancang melalui Diari 50, saya yakin dapat memupuk budaya belajar sendiri yang membolehkan mereka menguasai sukatan sejarah tingkatan 4. Ini secara langsung selari dengan visi Program Kecemerlangan Akademik MTD iaitu pencapaian minimum 4B dalam SPM 2007 bagi matapelajaran sejarah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 OBJEKTIF AM

Kajian ini bertujuan untuk memastikan murid-murid mencapai A dalam peperiksaan SPM 2007

3.2 OBJEKTIF KHUSUS

- 3.2.1 Menguasai sukatan pelajaran tingkatan 4
- 3.2.2 Menggunakan pelbagai kaedah belajar sejarah
- 3.2.3 Meningkatkan hayat ingatan murid terhadap fakta sejarah
- 3.2.4 Mewujudkan pembelajaran murid yang terancang dan bersifat sendiri

4.0 KUMPULAN SASARAN

Terdiri daripada 26 orang murid lelaki Tingkatan 5 Zeta, Maktab Tentera Diraja, Kuala Lumpur. Tidak terdapat perbezaan yang ketara daripada segi tahap kecerdasan pelajar namun agak ketara daripada aspek disiplin belajar.

Rajah 1 : Bilangan murid mengikut Kumpulan Disiplin Belajar

Kumpulan	Bilangan Murid
Rajin	4
Sederhana	10
Bermotivasi rendah	12

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

5.1 TINJAUAN MASALAH

Dalam pelaksanaan kajian ini adalah penting bagi saya membuat tinjauan masalah supaya masalah tersebut dapat dikenal pasti. Saya melakukan beberapa tinjauan awal terhadap beberapa aspek seperti pemerhatian, ujian pra, ujian pos dan soal selidik.

- 5.1.1 Pemerhatian awal dibuat melalui semakan terhadap nota dan latihan murid semasa di Tingkatan 4, meminta pandangan murid dan guru lain terhadap

masalah dikaji. Pemerhatian mendapati murid-murid ini tidak menyiapkan nota dan latihan Tingkatan 4 dan 50% daripada mereka gagal mengesan buku ulangkaji, nota dan latihan tingkatan 4 mereka.

5.1.2 Ujian Pra

Ujian pra diberikan kepada kumpulan sasaran untuk mengesan sejauh mana kefahaman dan ingatan murid terhadap sukatan tingkatan 4. Item ujian pra meliputi 5 soalan struktur daripada 5 bab terpilih tingkatan 4. Item tersebut merupakan item yang mudah dan merupakan aspek yang penting dan bersifat common sense.

5.1.3 UJIAN POS

Selepas semakan dibuat ke atas ujian pra kertas jawapan murid tidak dikembalikan sebaliknya saya telah memperkenalkan Diari 50. Selepas 50 hari ujian post diadakan sebagai menilai keberkesanan Diari 50.

5.1.4 SOAL SELIDIK

Borang soal selidik diedarkan kepada murid-murid untuk mendapat maklum balas keberkesanan program Diari 50.

5.2 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Bagi mengatasi masalah murid melalui kelemahan yang dikenal pasti, saya telah merangka program Diari 50. Sebelum menghasilkan Diari 50, saya telah membuat semakan ke atas senarai tajuk dan sub tajuk yang terkandung dalam buku teks dan huraian sukatan pembelajaran Sejarah Tingkatan 4. Saya juga membuat analisis soalan peperiksaan SPM format terkini dari tahun 2004 hingga 2006. Hasil daripada analisis ini saya telah menyenaraikan 50 sub tajuk penting yang perlu dikuasai oleh murid bagi membolehkan mereka menjawab kesemua aspek soalan peperiksaan

SPM iaitu objektif, struktur dan esei daripada kurikulum Tingkatan 4. Diari 50 ini mengandungi 50 soalan tingkatan 4 terkandung dalam 50 halaman. Diari 50 dikeluarkan dalam bentuk buku kecil berbentuk modul belajar. Perkataan 50 menjadi simbolik kepada 50 sub tajuk yang wajib murid kuasai melalui program pembelajaran sendiri yang terancang. Diari 50 juga adalah daripada manifestasi sambutan 50 tahun kemerdekaan negara. Untuk memastikan pelaksanaan Diari 50 mencapai objektif beberapa langkah telah dijalankan.

- i. Selepas pelajar menduduki ujian pra, murid-murid 5 Zeta diperkenalkan dengan Program Diari 50 bagi membantu menguasai sukatan Tingkatan 4.
- ii. Murid-murid dibimbing untuk melengkapkan Diari 50 yang akan menjadi catatan harian mereka.
- iii. Diari 50 menekankan kepelbagaian kaedah belajar sejarah dengan mengambil kira kecerdasan otak kiri dan otak kanan. Pelajar dibimbing tentang kaedah menggunakan otak kiri seperti pembelajaran logik, fakta, matematik dan bahasa. Antara gaya belajar penggunaan otak kiri ialah pengurusan grafik, peta minda, pembelajaran bertema, akronim dan sebagainya. Sementara otak kanan pula memerlukan kaedah belajar yang lebih kreatif seperti muzik, imaginasi, warna, visualisasi penggunaan peta, karektor dan sebagainya.
- iv. Berpegang kepada prinsip catatan diari atau harian murid-murid dikehendaki mengisi setiap hari Diari 50 dengan cara menyiapkan satu soalan sehari.
- v. Setiap minggu saya akan membuat semakan Diari 50 pelajar untuk memastikan keberkesanan perlaksanaannya.
- vi. Catatan harian pelajar boleh dibuat dengan pelbagai kaedah mengikut kesesuaian gaya belajar dan minat pelajar.

5.3 RUMUSAN PEMERHATIAN DAN PENILAIAN

5.3.1 Analisis Pemerhatian

Kajian tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh 50 hari. Dalam tempoh tersebut, murid-murid telah menjawab 50 soalan dan menguasai 50 tajuk fokus sejarah tingkatan 4. Berdasarkan pemerhatian selepas kajian dijalankan terhadap kumpulan sasaran didapati:-

- i. Peningkatan murid untuk belajar mata pelajaran sejarah.
- ii. Murid-murid mendapat pendedahan pelbagai kaedah belajar dan mengingat melalui penggunaan otak kiri dan otak kanan.
- iii. Pembelajaran murid juga lebih terancang kerana setiap hari mereka akan melengkapkan Diari 50.
- v. Secara langsung kaedah belajar sendiri dipupuk.
- vi. Murid-murid kelihatan semakin kreatif kerana Diari 50 mereka telah diisi dengan pelbagai pendekatan gaya belajar dan mengingat.

5.3.2 Analisis ujian pra dan ujian pos

Perbandingan pencapaian murid dalam ujian pra dan pos adalah seperti berikut:

Gred	Ujian Pra		Ujian Pos	
	Bil	%	Bil	%
1A	-	-	11	42.3
2A	-	-	10	38.5
3B	-	-	5	19.2
4B	-	-	-	-
5C	4	15.4	-	-
6C	2	7.7	-	-
7D	5	19.2	-	-
8D	8	30.8	-	-
9G	7	26.9	-	-
Peratus Lulus		73.1		100
GP		7.0		1.77

Dapatan ujian pra dan pos menunjukkan terdapat peningkatan dari segi pencapaian pelajar.

Jadual 1 : Bilangan dan peratus pencapaian murid ujian pra

Gred	1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8D	9G	%
Bil	-	-	-	-	-	2	5	8	10	
%										

Jadual 2 : Bilangan dan peratus pencapaian murid ujian pos

Gred	1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8D	9G
Bil	11	10	5	-	-	-	-	-	-
%									

Analisis terhadap ujian pra dan pos membolehkan saya mengetahui punca sebenar masalah murid 5Zeta. Mereka pada dasarnya bukanlah murid yang berprestasi rendah. Pencapaian mereka telah meningkat kerana telah merancang pembelajaran harian mereka berdasarkan Diari 50 disamping menggunakan pelbagai teknik belajar yang berkesan. Kegagalan mereka menguasai sukatan tingkatan 4 sebelum ini kerana mereka tiada perancangan belajar, tiada kaedah belajar yang dimodelkan, tidak serius dan tidak menyiapkan tugas.

5.3.3 Analisis Soal Selidik

Murid-murid telah memberikan respon positif terhadap pelaksanaan Diari 50.

Soal selidik dilaksanakan mengikut skala Likert berikut:

- 1 – Tidak setuju
- 2 – Setuju
- 3 – Sangat setuju

Bil	Item	Skala / Bil. Pelajar		
		1	2	3
1.	Mata pelajaran sejarah adalah subjek membaca	-	5	21
2.	Mata pelajaran sejarah perlu kerap dibaca	-	4	22
3.	Diari 50 adalah modul pembelajaran terancang	-	3	23
4.	Diari 50 memupuk sikap belajar sendiri	-	-	26
5.	Diari 50 menggalakkan pembelajaran dengan pelbagai kaedah belajar	-	3	23
6.	Diari 50 memberi kebebasan untuk membuat catatan secara kreatif	-	5	21
7.	Diari 50 membuktikan saya mengingat fakta lebih lama	-	2	24
8.	Diari 50 memberi kemahiran teknik menjawab soalan peperiksaan SPM	-	4	22

Berikut adalah beberapa contoh komen yang dibuat oleh murid:

1. Satu pendekatan pembelajaran yang terancang.
2. Dapat menguasai tajuk-tajuk utama Tingkatan 4.
3. Diari 50 perlu diperluaskan untuk sukatan Tingkatan 5.
4. Program ini memandu saya belajar sejarah setiap hari.
5. Membantu saya membuat persiapan SPM lebih awal.

6.0 REFLEKSI KAJIAN

Pencapaian pelajar dalam ujian pra dan ujian pos menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Diari 50 telah menjadi modul pembelajaran pelajar yang terancang. Setiap hari murid akan mengisi Diari 50 mereka dengan tajuk-tajuk yang ditetapkan. Pembelajaran yang berterusan membantu pelajar membuat persiapan awal menghadapi peperiksaan SPM. Bimbingan kaedah belajar cara belajar menggunakan otak kiri dan otak kanan memberi ruang kepada murid menggunakan pelbagai kaedah belajar. Mereka menjadi lebih kreatif dalam menulis Diari 50. Kepelbagaian kaedah belajar menjadi pembelajaran mereka seronok dan jangka hayat ingatan yang lebih lama. Program Diari 50 telah mendapat pemerhatian Pengarah Pengajian Maktab Tentera Diraja supaya semua mata pelajaran lain mencontohi konsep Diari 50 sebagai persiapan menjelang SPM 2007.

7.0 Cadangan untuk kajian seterusnya

Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya adalah seperti berikut:-

- i. Diari 50 bagi tingkatan 4 akan digunakan seterusnya sebagai modul belajar yang berterusan bagi murid-murid tingkatan 5Z dan semua Tingkatan 5. Ini bermakna buku kedua bagi program yang sama akan dicetak semula.
- ii. Diari 50 bagi tingkatan 5 akan dikeluarkan sebaik sahaja sukatan dihabiskan pada akhir Julai.
- iii. Diari 50 turut diperluaskan dari segi peranannya iaitu bukan sahaja sebagai modul belajar terancang tetapi juga sebagai kaedah cara menjawab soalan format peperiksaan SPM.

8.0 Penutup

Kajian ini diharap dapat membantu murid-murid dalam merancang pembelajaran sejarah mereka. Melalui Diari 50, murid-murid dibimbing untuk belajar setiap hari dengan pelbagai gaya belajar. Pendekatan ini tentunya akan menjantik minda murid tentang pentingnya pembelajaran sendiri untuk berjaya. Potensi sebenar murid akan tercapai sekiranya pembelajaran mereka terancang dan berkesan. Guru-guru pula boleh menggunakan Diari 50 untuk menyemak tahap penguasaan pelajar mereka dan merancang pembelajaran murid mengikut potensi sebenar mereka. Guru-guru seharusnya peka terhadap masalah murid-murid mereka dan senantiasa sabar dengan karenah pembelajaran mereka. Untuk itu, seseorang guru perlulah mempunyai ciri-ciri passion for knowledge, passion for teaching dan passion for kids.

RUMUSAN

1. Abdul Rahim Abd. Rashid 2000, model pendekatan pengajaran Sejarah KBSM, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
2. Abdul Rahim Abd. Rashid 1992, strategi pengajaran sejarah KBSM, Fajar Bakti
3. Garvey Brian 1977, models of History Teaching in the secondary school, Oxford University Press
4. Kacnham, s.k 1978, Methods and Techinques of Teaching, New Delhi, Stekling Publishers